



Latihan Kendiri 4.3

Pilih jawapan yang paling tepat untuk soalan-soalan berikut.

1. Matlamat ekonomi Islam adalah _____.
 - A. mencapai matlamat keduniaan yang memerlukan material.
 - B. mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
 - C. berlandaskan konsep tauhid iaitu mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.
 - D. memberikan penekanan lebih pada aspek kerohanian.

2. Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan utama ekonomi menurut Islam?
 - I Menegakkan keadilan sosial dan ekonomi.
 - II Mengekalkan keamanan dan kepatuhan terhadap undang-undang.
 - III Menghapuskan kemiskinan.
 - IV Menggalakkan pemilikan harta sebanyak yang boleh oleh orang Islam.
 - A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II , III dan IV
 - D. I, II dan III

3. Pada zaman Umar al-Khattab, Baitul Mal memperoleh sumber-sumber kewangan daripada berikut kecuali
 - A. zakat
 - B. ghairimah
 - C. jizyah
 - D. al-Rahn

4. Pilih pernyataan **tidak benar** mengenai perbezaan antara sistem ekonomi Islam dan ekonomi Barat.
- A. Elemen riba merupakan elemen dalam sistem ekonomi Islam.
 - B. Sistem ekonomi Barat mengutamakan kebebasan memiliki harta persendirian secara terbuka.
 - C. Ekonomi Islam memastikan kesaksamaan dan keseimbangan dalam pembahagian pendapatan dan kekayaan.
 - D. Matlamat utama dalam sistem ekonomi Barat adalah berasaskan kepada keuntungan semata-mata.

Tandakan (✓) pada jawapan yang benar dan (✗) jawapan yang salah.

5. Hibah ialah perkhidmatan perbankan yang berasaskan yuran. ()
6. Qardhul Hasan merupakan pinjaman ikhlas daripada pihak bank di mana anda hanya perlu membayar amaun yang dipinjam. ()
7. Takaful Malaysia berperanan sebagai pengendali pelaburan atau perniagaan kumpulan wang caruman. ()
8. Tazkiyah diamalkan untuk mengikis sifat bakhil dan tamak haloba. ()